

Kelington unit secures RM25mil loan

KUALA LUMPUR: Kelington Group Bhd's 94%-owned subsidiary, Ace Gases Sdn Bhd, has signed a RM25mil project financing facility agreement with Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV).

Under the scope of the agreement, MDV will provide the financing facility to partly fund the group's expansion in the manufacturing of liquid carbon dioxide (CO₂), which includes the purchase of equipment and construction of a new manufacturing plant in Kerteh, Terengganu.

"We appreciate the support we have received from MDV for our expansion in the industrial gas business.

"The loan will help accelerate the construction of our liquid CO₂ plant, which we expect will commence production in the second half of 2019.

"The new state-of-the-art plant will be our first major investment in the industrial gas business," Kelington Group chief executive officer Raymond Gan said in a statement yesterday.

The group is upbeat over prospects for this business as demand for CO₂ is rising, especially in the food and beverage (F&B) industries, where it is used for making carbonated drinks and for refrigeration and freezing of food. — Bernama

科艺获2500万项目融资

吉隆坡29日讯 | 科艺集团 (KGB, 0151, 主板贸服版) 发文告表示, 其子公司--Ace Gases私人有限公司与大马债务创投有限公司 (Malaysia Debt

Ventures) 签署项目融资协议, 以获取最高2500万令吉的贷款。

据文告, 科艺集团将在登嘉楼格底 (Kerteh) 设立液化二氧化碳厂, 该项目将分成2个阶段,

首阶段可获得1200万令吉的融资, 用于建筑、设计和营运该厂房。

另外, 次阶段可获得1300万令吉的融资, 以购买液化二氧化碳厂中的机械和设备。

在获得上述融资后, 该公司的负债率料从0.4倍上升至0.7倍。

Anak syarikat Kelington peroleh pinjaman RM25 juta daripada MDV

KUALA LUMPUR: Anak syarikat 94 peratus milik Kelington Group Bhd, Ace Gases Sdn Bhd, menandatangani perjanjian kemudahan pembiayaan projek RM25 juta dengan Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV) kelmarin.

Mengikut skop perjanjian itu, MDV akan menyediakan kemudahan pembiayaan bagi membiayai sebahagian peluasan pembuatan karbon dioksida cecair syarikat tersebut, termasuk pembelian peralatan dan pembinaan kilang pembuatan baharu di Kerteh, Terengganu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kelington Group, Raymond Gan berkata pihaknya menghargai sokongan yang diterima daripada MDV untuk peluasan syarikat dalam perniagaan gas industri.

"Pinjaman itu akan membantu mempercepatkan pembinaan kilang karbon dioksida cecair kami, yang dijangka memulakan pengeluaran pada separuh kedua 2019. Kilang canggih baharu itu akan menjadi pelaburan utama pertama kami dalam perniagaan gas industri," katanya dalam kenyataan kelmarin. Kelington Group yakin

dengan prospek perniagaan tersebut memandangkan permintaan terhadap karbon dioksida semakin meningkat, khususnya dalam industri makanan dan minuman, bagi menghasilkan minuman berkarbonat dan penyejukan serta pembekuan makanan.

Gan berkata, teroka baharu itu berperanan penting dalam mengembangkan bahagian gas industri, yang diharap berkembang bagi mewakili kira-kira 30 peratus daripada perolehan syarikat dalam tempoh lima tahun akan datang.

"Kami yakin penyertaan ke dalam pembuatan karbon dioksida cecair akan menyumbang secara positif kepada kewangan syarikat dan meningkatkan lagi kebolehlihatan keuntungan, dalam memberi aliran perolehan berulang jangka panjang," katanya.

Sementara itu, CEO MDV, Nizam Mohamed Nadzi berkata matlamat pihaknya adalah membantu syarikat dalam sektor teknologi mencapai fasa pertumbuhan seterusnya dengan menyediakan modal kewangan, dan menyokong Kelington Group mengukuhkan kedudukan perniagaan. — Bernama